

TERHAD


Bahagian A
[20 markah]
[Masa dicadangkan: 30 minit]

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Tatkala mendengar _____ Cikgu Jamilah, Natasya bergegas menyiapkan tugas yang diberi.
A arahan
B makluman
C suruhan
D perintah

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 _____ bunga mawar kuning yang digubah indah kelihatan cukup menarik menghiasi ruang tamu mereka.
A Setangkai
B Serumpun
C Setongkol
D Sejangkak
- 3 Secara _____ kakak turun dari katil menuju ke dapur untuk menyediakan hidangan tengah hari.
A lambat-laun
B lambat-lambat
C laju-laju
D lemah-gemalai
- 4 Akibat kehilangan semangat, Haji Borhan cuba menghubungi rakan baiknya untuk mendapatkan kata-kata _____.
A hikmat
B rangsangan
C bidalan
D nasihat

- 5 Kerongsang mutiara itu amat sesuai jika _____ pada tudung bercorak keluaran syarikat ternama tersebut.
A disemat
B disemad
C dicucuk
D disangkut

Soalan 6 – 7

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 6 Encik Kamarul Ikhsan mengingatkan para pekerja-pekerjanya supaya bersikap jujur semasa _____ tugas. Tiada kesalahan.
A B C D
- 7 Ayah memasang beberapa biji jerat kerana terlalu banyak haiwan perosak di kebun. Tiada kesalahan.
A B C D

Soalan 8 – 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 8 I Suraya yakin bahawa Tuhan akan melimpahkan rezeki kepada hamba-Nya yang rajin berusaha.
II Puan Yuanna melimpahkan kasih sayang yang tidak terhingga kepada anak angkatnya.
III Adik melimpahkan air kosong yang berada di dalam cawan plastik ke lantai.
IV Aini melimpahkan air mata mendengar berita tragis itu.
A I dan II sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- 9 I Puan Mona tidak sampai hati membiarkan kucing yang baru ditemui itu kesejukan di luar rumah.
II Tidak sampai lima minit saya menghubungi pihak ambulans, bantuan kecemasan pun tiba di pekarangan rumah batu itu.

TERHAD

- III Saya teringin untuk memetik buah mangga yang sedang bergayutan itu, tetapi malangnya tangan saya tidak *sampai*.
- IV Sebaik sahaja saya *sampai* di stesen komuter suara juruhebah telah mengumumkan tentang ketibaan kereta api yang saya nantikan.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

Soalan 10 – 11

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 10 Pengguna kosakata yang berbeza dapat mencantikkan dan mengindahkan sesebuah karangan yang dihasilkan oleh murid.
- A Penggunaan kosa kata
B Pemilihan kosa kata
C Pemilihan kosakata
D Pengguna kosakata
- 11 Mata pelajaran sivik dan kewarganegaraan menjadi subjek tambahan di sekolah untuk memupukkan nilai-nilai murni di kalangan murid.
- A menyemai nilai murni di kalangan murid
B menanamkan nilai murni di kalangan murid
C memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan murid
D memupukkan nilai-nilai murni di kalangan murid

Soalan 12 – 13

Pilih ayat-ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang bercetak tebal.

- 12 **Gandingan mantap antara dua orang pemain badminton negara menjadi asbab Malaysia muncul sebagai juara Piala Thomas.**
- A Malaysia berjaya mengekalkan kejuaraan selama bertahun-tahun lamanya.
B Malaysia merangkul Piala Thomas kerana kehebatan dua orang pemain badminton negara.

- C Piala Thomas sekali lagi dibawa pulang oleh regu negara yang semakin mantap.
D Malaysia mengungguli perlawanan badminton dengan sokongan dua orang pemain negara.

- 13 **Bukan sahaja Ahmad yang kena, malah semua murid di dalam kelas tersebut dimarahi oleh Cikgu Faizul.**

- A Semua murid di dalam kelas tersebut dimarahi oleh Cikgu Faizul, kecuali Ahmad.
B Ahmad merupakan penyebab mereka dimarahi oleh Cikgu Faizul.
C Cikgu Faizul memarahi semua murid di dalam kelas tersebut.
D Semasa berada di dalam kelas tersebut, Cikgu Faizul memarahi semua murid.

Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 14 I Pada zaman dahulu, ada setengah masyarakat yang mengamalkan sistem barter dalam kehidupan.
II Urus niaga dalam talian memberikan peluang kepada pengguna untuk membuat semakan dan pilihan secara bijak.
III Permainan wau atau layang-layang merupakan salah satu daripada aktiviti riadah yang mampu membentuk hubungan mesra.
IV Ketika bercuti di Kuala Terengganu, kami telah menyewa rumah desa inap yang berdekatan dengan pantai.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 15

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 15 Bebelan Mak Halimah _____ kerana anak-anaknya tidak menyusun kasut di tempat yang disediakan.
- A seperti halilintar membelah bumi
B bagai pucuk dilancarkan
C seperti bertih jagung
D bagai balak terendam